

21 guru bergadai nyawa ke sekolah

Cikgu SK Tohoi menunggang motosikal lalui titian kayu, berselut

Oleh Ramli Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: Demi tugas, 21 guru Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi, dekat sini, sanggup bergadai nyawa menunggang motosikal melalui titian kayu dan jalan bersebelut, semalam.

Bahaya itu terpaksa ditempuhi berikutan jambatan ke SK Tohoi runtuh dua hari lalu selepas ditenggelami banjir hampir lima jam berikutan hujan lebat.

Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) Gua Musang, Azuri Hamzah mengakui tenaga pengajar sekolah itu berdepan suasana cemas kerana terpaksa melalui titian kayu.

Katanya, masalah itu bukan kali pertama, sebaliknya guru sudah merasainya berpuluh kali apabila hujan lebat menyebabkan jambatan balak runtuh.

Beliau berkata, keadaan kembali pulih apabila ada syarikat pembalakan membaiki semula jambatan runtuh dan membersihkan jalan.

“Pagi ini (semalam), saya turut menunggang motosikal untuk menyelami kesusahan guru terabit.

“Pada mulanya saya ingin menaiki pikap untuk melawat SK Tohoi tetapi disebabkan jambatan runtuh saya terpaksa menunggang motosikal bersama guru,” katanya.

Azuri berkata, sepanjang sebulan melawat 10 sekolah rendah di perkampungan Orang Asli, jalan ke SK Tohoi paling terjejas teruk.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada guru SK Tohoi yang bersemangat cekal walaupun berdepan keadaan mencabar.

“Inilah pengorbanan besar guru SK Tohoi untuk mendidik anak kaum Orang Asli,” katanya.

Beliau berkata, selain SK Tohoi, ada laluan mencabar bagi guru SK Bihai dan SK Balar yang terpaksa menggunakan jalan balak rosak teruk, selain perlu mengharungi dua sungai.

“Apabila berlaku limpahan air sungai berikutan hujan lebat, guru terpaksa menunggu beberapa jam untuk surut,” katanya.

Sementara itu, pasukan penyelamat membawa keluar 20 petugas Hospital Orang Asli Gombak yang terkandas di Pos Belatim, dekat sini, malam kelmarin.

Mangsa terkandas ketika dalam perjalanan keluar ke bandar ini apabila jambatan menghubungkan

“Masalah itu bukan kali pertama, sebaliknya guru sudah merasainya berpuluh kali apabila hujan lebat menyebabkan jambatan balak runtuh.”

Azuri Hamzah,
Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) Gua Musang

kan Pos Bihai dan Pos Belatim runtuh, selain jalan tertimbus lumpur.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Mohd Taufik Maidin, berkata operasi menyelamat membabitkan 28 anggota dari empat agensi berkaitan bergerak ke Pos Belatim pada jam 10 pagi kelmarin.

Katanya, mereka dikatakan masuk ke Pos Belatim beberapa hari lalu untuk memantau kesihatan masyarakat di pos berkenaan.

“Ketika perjalanan pulang jam 8 malam kelmarin (Jumaat), mereka terperangkap apabila jambatan runtuh dan jalan tertimbus lumpur dipercayai berlaku tiga jam sebelumnya kerana hujan lebat.



Guru yang menunggang motosikal perlu melalui titian kayu untuk ke SK Tohoi.
(Foto Ramli Ibrahim/BH)

“Mereka melaporkan perkara itu kepada polis jam 9.45 malam kelmarin dan kita mengumpul 28 anggota penyelamat jam 10 pagi semalam sebelum bertolak ke Pos Belatim,” katanya.

Mohd Taufik berkata, kumpulan itu terpaksa bermalam di lokasi kejadian sementara menunggu anggota penyelamat tiba jam 3 petang kelmarin.

Beliau berkata, anggota penyelamat terbabit juga terpaksa ber-

jalan kaki lapan kilometer ke lokasi mereka terkandas kerana jambatan runtuh.

“Semua mereka dibawa keluar menggunakan kenderaan disediakan pasukan penyelamat dan selamat tiba di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) jam 8 malam tadi (kelmarin),” katanya.

Katanya, semua ahli kumpulan berkenaan berada dalam keadaan baik dengan bekalan makanan mencukupi.